

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

RDB 314 – Pengurusan Rekabentuk

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Sebuah firma antarabangsa dari China ingin memasarkan satu barangan produk mandian bayi di Malaysia melalui projek kerjasama dengan sebuah firma tempatan iaitu Adikku Sdn. Bhd. Dalam projek ini kedua-dua firma bercadang menembusi pasaran produk mandian bayi sedia ada di Malaysia. Selaku pengurus rekabentuk, anda diminta membincangkan perkara berikut untuk pertimbangan rakankongsi anda di China.
 - (a) Situasi produk sedia ada dan pasaran sedia ada dari aspek Matrik Peluang.
 - (b) Strategi reaktif bagi menghasilkan produk tersebut.
 - (c) Keberkesanan konsep 'sequential development' dalam proses membangunkan rekabentuk produk tersebut.
 - (d) Langkah-langkah bagi memastikan status produk mandian bayi tersebut tidak statik.

(25 markah)

2.
 - (a) Beri satu definisi individu kreatif.
 - (b) "Suasana organisasi adalah sesuatu yang amat sukar untuk ditukar. Ia memerlukan komitmen yang tinggi dan sepenuhnya dari pihak pengurusan atasan. Adalah tidak efektif dan tidak berhasil jika cuma mengeluarkan arahan supaya semua orang menjadi lebih kreatif tetapi tidak berusaha untuk menghasilkan suasana/iklim/budaya yang kreatif".

Bincangkan bagaimana untuk menghasilkan budaya/iklim/suasana korporat yang kreatif.
 - (c) "Kenduran organisasi. Kreativiti memerlukan sedikit kenduran dalam organisasi". Bincangkan.

(25 markah)

3. Memahami pasaran adalah langkah pertama dalam strategi rekabentuk yang proaktif. Kegagalan memahami pasaran boleh menyebabkan kegagalan sesuatu produk (Bad Design).
 - (a) Berikan definisi Kegagalan Produk.
 - (b) Huraikan dua faktor berlakunya Kegagalan Produk.
 - (c) Berikan **Dua (2)** contoh Kegagalan Produk, terangkan mengapa produk tersebut gagal beserta lakaran.

(25 markah)

4. (a) Bincangkan setiap peringkat kitar-hayat produk, dengan mengambil kira ciri-cirinya pada setiap peringkat.
- (b) Tahap dewasa dalam kitar-hayat produk mempunyai jangka masa yang berbeza mengikut produk. Bincangkan tahap dewasa fesyen pakaian wanita dan telefon bimbit.

(25 markah)

-ooo O ooo-